

UCAPTAMA

Yang Berhormat Dato Seri Setia
Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar
Menteri Pembangunan
Negara Brunei Darussalam

Majlis Konvokesyen Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa
(Kolej IGS) 2018

Pada Hari Rabu, 16 Zulhijjah 1439H / 28 Ogos 2018

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على اشرف الانبياء والمرسلين
وعلى اله وصحبه اجمعين

Yang Mulia,
Dr Awg Haji Azaharaini bin Haji Mohd Jamil
Ketua Pegawai Eksekutif, Kolej IGS
Selaku Pengerusi Majlis Konvokesyen Kolej IGS tahun 2018

Yang Mulia,
Awg Haji Marzuke bin Haji Mohsin
Timbalan Menteri Pembangunan

Yang Mulia,
Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap

Yang Mulia,
Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Kolej IGS
Dato-Dato dan Datin-Datin, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan
Para Graduan, Ibu-Bapa dan Penjaga-Penjaga serta Tenaga-Tenaga Pengajar
Sidang Hadirin Hadirat yang saya hormati sekalian

Terlebih dahulu Saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Mulia, Dr Haji Azaharaini bin Haji Mohd Jamil, Ketua Pegawai Eksekutif, selaku Pengerusi Majlis Konvokesyen Kolej IGS 2018 atas undangan kepada Saya hadir ke Majlis Konvokesyen Kolej IGS 2018 di majlis yang penuh berkat ini.

Dalam kesempatan ini, Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada **205 orang graduan dalam pelbagai program yang diraikan petang ini** di atas kejayaan mereka menamatkan pengajian dalam jurusan masing-masing. Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin kepada kecemerlangan untuk terus maju ke hadapan dan menyumbang ke arah perkembangan Negara selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035. Kejayaan ini menggambarkan usaha berterusan para graduan serta doa dan sokongan para ibu bapa di dalam merealisasikan kejayaan anak-anak mereka.

Dalam menghadapi cabaran globalisasi, peranan yang dimainkan oleh Institusi Pendidikan dilihat lebih mencabar. Tidak dapat dinafikan bahawa Institusi Pengajian Tinggi Swasta turut memainkan peranan penting dalam melahirkan cendiakiawan mahir untuk memenuhi keperluan industri. Pasaran pekerjaan ketika ini melihat institusi pendidikan merupakan satu pusat kepakaran dalam membantu menyediakan keperluan kepakaran mengikut kehendak pasaran dengan menghasilkan tenaga kerja yang berkemahiran, berpengetahuan serta mempunyai sikap yang positif. Jaringan kerjasama dengan industri perlu dipergiatkan untuk membuka peluang latihan yang lebih luas khususnya dalam bidang-bidang kritikal bagi melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi. Untuk memenuhi permintaan tenaga mahir yang semakin meningkat selaras dengan pasaran pekerjaan tempatan, perancangan strategik melalui transformasi pendidikan perlu diteruskan dengan meningkatkan penawaran tempat pembelajaran menerusi kerjasama dengan Industri. Saya percaya dengan memberikan tumpuan kepada peningkatan kualiti graduan menerusi pelaksanaan program kolaborasi dengan institusi tertinggi dalam negeri, serantau dan antarabangsa akan dapat memberikan laluan kepada para graduan untuk mencapai piawaian antarabangsa dan mempunyai potensi untuk berjaya dalam pasaran pekerjaan setaraf dengan kehendak industri.

Sayugia dengan itu, dalam usaha bersama melahirkan modal insan yang dapat memenuhi keperluan pasaran sumber tenaga kerja dan aspirasi Negara, Saya teruja dengan program-program yang sedang dikelola oleh Kolej IGS yang relevan dengan keperluan industri dengan menyerap kemahiran-kemahiran yang selaras dengan keperluan industri khususnya industri kreatif yang menjurus kepada seni kreatif seperti pengiklanan dan penyiaran multimedia, seni lukis dan reka bentuk, media elektronik, animasi dan multimedia teknologi, multimedia interaktif, dan seni grafik, bagi memperkasa modal insan yang dapat mewujudkan kemahiran asas yang signifikan dan kompeten, agar pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial dapat dilaksanakan secara holistik. Saya percaya pendidikan dalam seni kreatif seperti seni reka bentuk dan seni visual ini akan dapat melahirkan insan yang berbudaya dengan mempraktikkan kesenian agar dapat mencetuskan jiwa yang kreatif, inovatif, inventif serta estetik sejajar dengan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB) dengan memberi penekanan kepada perkembangan syaksiah pelajar berasaskan kepada keperluan Negara.

Dalam pergolakan era digital ini pertumbuhan ekonomi sesebuah negara itu bergantung kepada sektor industri pembuatan dan perkhidmatan yang memberikan signifikansi nilai dalam prestasi luaran dalam negara kasar yakni (KDNK). Oleh itu, kekuatan ekonomi bagi sesebuah negara juga berkait rapat dengan aspek seni kreatif dalam memacu perkembangan beberapa sektor ekonomi kerana elemen seni kreatif sering menjadi elemen yang penting dalam menggerakkan pertumbuhan sektor industri kreatif. Kebanyakan industri pembuatan dan perkhidmatan seperti tekstil, reka-bentuk fesyen, perisian ICT, produksi media dan pengiklanan yang kreatif dengan menggunakan motif-motif seni dan lain-lain merupakan agenda utama dalam menarik minat pelanggan untuk menggunakan produk dan perkhidmatan yang diberikan. Oleh itu, sumbangan terhadap program pendidikan dalam seni kreatif amat penting dalam perkembangan sosio-ekonomi negara. Ini kerana tanpa kreativiti dan inovasi melalui kepelbagaian seni kreatif dalam program pendidikan tidak akan terhasil dengan optima sekiranya aspek pengetahuan dalam bidang tersebut tidak diberikan penekanan yang khusus dan sewajarnya.

Saya mengambil maklum bahawa terbukti pelajar-pelajar dan graduan-graduan yang dihasilkan oleh Kolej IGS telah didedahkan melalui kurikulum pembelajaran yang menjurus kepada perkembangan kreativiti, wawasan keilmuan dan juga akademik kearah kemahiran dalam industri serta peningkatan *soft skills* dan psikomotor secara efektif. Sebagai sebuah institusi yang mempunyai daya kreatif dan inovatif yang baik setentunya dapat menjana sumber yang berfaedah yang dapat mewujudkan jalinan kolaborasi dengan pihak industri samada dalam negeri mahupun di luar negara yang dapat di kongsi bersama dan mendatangkan hasil yang bermanfaat.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa kreativiti dan inovasi memainkan peranan yang penting kepada pembaharuan. Ke arah mencapai objektif ini, kejayaan sesebuah inovasi memerlukan sistem pendidikan yang mantap bagi memupuk modal insan yang kreatif, inovatif dan analitikal.

Oleh yang sedemikian, langkah yang telah diambil oleh Kolej IGS dengan menyerapkan elemen-elemen yang menjurus kepada inovasi dan kreativiti ke dalam kurikulum pembelajaran selaras dengan keperluan industri adalah bertepatan dengan perkembangan pendidikan di abad ke 21 ini. Ini selaras dengan wawasan Brunei 2035 ke arah menjadikan negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan tinggi dan berkemahiran. Ke arah mencapai kecemerlangan ini, para pelajar dan graduan perlulah memiliki semangat dan cita-cita yang jelas dengan bersandarkan kreativiti, inovasi, ilmu pengetahuan serta pelbagai kemahiran untuk mencapai hasrat dan cita-cita yang diinginkan. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menyediakan kemudahan dalam bentuk latihan, bantuan kewangan, perkembangan perniagaan bagi menyokong pembangunan keusahawanan muda melalui pelbagai skim dan insentif. Tambahan lagi, adalah penting untuk memastikan bahawa setiap graduan mempunyai potensi untuk sedia diterima dalam dunia pasaran pekerjaan. Generasi muda haruslah dibekalkan dengan nilai-nilai serta kebolehan untuk mengharungi sebarang cabaran mendatang dalam menghasilkan kemahiran yang dapat memupuk minda di bidang keusahawanan.

Saya juga amat tertarik dengan salah satu modul yang dipraktikkan oleh Kolej IGS mengenai pengendalian “Global Campus” yang di serapkan ke dalam kurikulum Program Ijazah Sarjana Muda yang sedang dikelola oleh Kolej IGS secara kolaborasi dengan LimKokWing University of Creative Technology, Malaysia. Hasil dari penyertaan para pelajar yang telah berjaya mengikuti global kampus ini adalah selari dengan kemajuan teknologi dan keperluan industri dimana pelajar-pelajar telah didedahkan di arena serantau dan antarabangsa mengenai persekitaran luar dengan perniagaan global, pelbagai corak budaya dan profesionalisma alam perniagaan dan perdagangan melalui lawatan ke industri-industri. Memang tidak dapat dinafikan bahawa pendedahan seumpama ini memberikan penekanan tentang ciri-ciri keusahawanan dan sudah setentunya membuahkan pelajar-pelajar yang mempunyai fikiran dan daya saing global.

Sayugia dengan itu, pengukuhan kedudukan institusi di peringkat antarabangsa menerusi jaringan kolaborasi dengan negara-negara luar adalah digalakkan supaya akan dapat memberikan pelbagai manfaat kepada negara seperti pendedahan pelajar-pelajar di arena antarabangsa melalui pelaksanaan modul-modul yang tertentu selaras dengan kehendak kurikulum yang dikendalikan, peningkatan produktiviti menerusi kolaborasi penyelidikan dan pemindahan teknologi.

Kepada pensyarah-pensyarah, sentiasalah siap siaga bahawa tugas sebagai pendidik adalah satu tugas yang amat mulia. Menjadi pendidik bukanlah semata-mata suatu profesion, tetapi suatu perjuangan untuk mendidik anak bangsa menjadi insan yang berguna.

Saya percaya jika saudara dan saudari semua mengabdikan seluruh jiwa dan raga kepada tugas yang paling mulia ini, maka kita akan berjaya mencapai matlamat pendidikan yang paling asas, iaitu mendidik insan dengan adab dan pekerti yang mulia.

Kepada para pelajar, berikanlah tumpuan yang sepenuhnya kepada pelajaran dan pembelajaran. Manfaatkanlah segala peluang yang ada untuk menimba ilmu dan mengasah bakat dengan sebaik mungkin supaya pelajar-pelajar menjadi insan yang berjaya. Dalam menghadapi persaingan global yang semakin sengit hari ini, banyak ilmu dan kemahiran baharu yang perlu dikuasai sebelum para pelajar melangkah ke alam pekerjaan. Jadi, berusahalah menjadi yang terbaik kerana dalam dunia yang kompetitif hari ini hanya yang terbaik akan berjaya.

Kepada para ibu bapa/penjaga pelajar, Saya amat mengharapkan sokongan dan pelibatan semua dalam menjayakan dasar dan program pendidikan yang dilaksanakan di negara ini. Saya memahami bahawa ibu bapa mempunyai harapan yang amat tinggi kepada institusi-institusi pendidikan yang menyediakan pendidikan yang terbaik untuk anak-anak mereka.

Kepada para graduan yang diraikan di majlis ini, pencapaian dan kejayaan abiskita semua bukan saja merupakan langkah pertama dalam menempuh hala tuju yang lebih jauh dalam liku kehidupan yang perlu dilalui, malah merupakan hasil keazaman dan ketabahan dalam usaha meningkatkan ilmu pengetahuan serta kemahiran masing-masing.

Kejayaan para graduan tidak dapat dinafikan setentunya adalah atas usaha yang bersepadu yang dimainkan oleh barisan pentadbir, pensyarah, para ibu bapa dan para graduan sendiri. Di samping meraih ilmu dan kelulusan akademik, para graduan perlulah meningkatkan kebolehan dalam semua sudut seperti kepimpinan, berkomunikasi dengan berkesan, kerja berpasukan, berkemahiran dan yang paling penting dapat mengaplikasikan ilmu pengetahuan secara praktik dengan daya kreativiti dan inovasi masing-masing. Dengan berbuat demikian sudah setentunya para graduan akan dapat menerokai bidang-bidang yang dihasratkan yang dapat menyumbang dan memberi impak yang positif kepada pembangunan Negara.

Dalam memastikan perkembangan dan kemajuan Pendidikan di Negara ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menyediakan berbagai kemudahan untuk memastikan institusi-institusi pendidikan dan sekolah-sekolah swasta terus maju dan berkembang, berdaya tahan dengan meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan dan pendidikan masing-masing, kearah menghasilkan sumber tenaga manusia yang berkaliber tinggi, dan mempunyai keterampilan serta kemahiran yang di perlukan untuk membangunkan Negara seiring dengan kehendak dan halatuju Wawasan Brunei 2035.

Sekali lagi saya sarankan agar Institusi ini akan dapat memastikan bahawa program-program yang di kelola hendaklah berkaitan atau relevan dengan kehendak industri dan pasaran dan berupaya menghasilkan graduan-graduan yang mempunyai ciri-ciri kebolehan pasaran dalam menyumbang kearah kemajuan Negara di samping mengurangkan kadar pengangguran di Negara ini.

Akhirnya, sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua graduan yang kita raikan pada petang ini, mudah-mudahan kejayaan yang dicapai itu serta segala ilmu yang diperolehi, akan dapat digunakan dengan sepenuhnya, untuk memberikan sumbangan yang bernas kepada kemajuan dan kecemerlangan bangsa dan Negara.

Sekian

وبالله توفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته ,
